



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 Januari 2024
15 Rejab 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• Terjun laut diserbu penguat kuasa
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL	
					16	27.01.2024

Tujuh nelayan Kemboja buat peralatan mencuri benih kerang di Sungai Air Tawar

Terjun laut diserbu penguat kuasa

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SABAK BERNAM - Tujuh nelayan Kemboja yang sedang membuat peralatan mencuri benih kerang di jeti nelayan Bagan Nakhoda Omar, Sungai Air Tawar di sini, nekad terjun ke laut selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa, kelmarin.

Serbuuan pukul 6 petang itu dijalankan penguat kuasa Jabatan Perikanan Selangor dengan kerjasama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 1 Pelabuhan Klang dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor.

Pengarah Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, kesemua lelaki warga asing itu dipercayai sedang menyiapkan tongkang kayu bagi kegiatan mengutip benih kerang.

Jelas beliau, tujuh suspek itu didapati terjun ke laut selepas terkejut jeti berkenaan diserbu dalam operasi bersepadu berkenaan.

"Mereka kemudian berenang



ANGGOTA PPM melihat benih kerang yang telah dicuri nelayan Kemboja di Sungai Air Tawar, Sabak Bernam.

dan meloloskan diri ke kawasan paya bakau berdekatan. Empat lagi nelayan dipercayai warga asing yang berada di sebuah bot turut melakukan tindakan sama bagi mengelak ditahan.

"Kita berjaya merampas kerang seberat 540 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM6,480," katanya di sini semalam.

Menurut Noraisyah, saasatan

awal mendapati semua warga asing itu dipercayai mula bekerja sebagai pengutip anak kerang sejak 2015 dengan ditawarkan gaji dan komisen tinggi.

Ujarnya, mereka dikatakan

dibayar antara RM150 sehingga RM200 sehari dengan melakukan aktiviti curi benih kerang hingga tiga kali seminggu.

"Benih dan anak kerang yang dicuri itu dipercayai akan dihandar dan dikumpulkan di Perak sebelum diseludup ke pasaran gelap," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan operasi sama turut dijalankan di Pasir Penambang dan Assam Jawa, Kuala Selangor dengan membawa kepada penahanan empat individu.

"Kita merampas dua sampan fiber, sebuah bot nelayan, 64 tongkang kayu dan peralatan haram aktiviti itu. Nilai keseluruhan rampasan di tiga lokasi serbuuan dianggarkan RM398,880.

"Semua hasil rampasan itu dibawa ke Pusat Tahanan Vessel Kuala Selangor bagi tindakan lanjut. Kes disiasat menaikut Seksyen 8 (a) dan 8(b) Akta Perikanan 1985 selain Peraturan 3(1) dan 4(1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan Dan Kultur Kerang) 2002. Ujarnya.